

Surat Pekeliling Perbendaharaan



SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 4 TAHUN 1996

PENGUNAAN BARANG-BARANG BUATAN TEMPATAN
DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

1. TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan peraturan-peraturan yang wajib dipatuhi oleh semua Kementerian/ Jabatan/Badan Berkanun (Agensi) dan Syarikat-syarikat Kerajaan berhubung dengan penggunaan barang-barang buatan tempatan di dalam perolehan kerajaan.

1.2 Arahan ini adalah terpakai bagi penggunaan dan pemberian keutamaan harga barangan buatan tempatan di dalam semua perolehan Kerajaan.

2. LATARBELAKANG

2.1 Jemaah Menteri yang bersidang pada 6 September 1995 telah mengambil keputusan bahawa salah satu cara untuk mengurangkan defisit imbalan pembayaran negara adalah dengan meningkatkan penggunaan barang buatan Malaysia dalam industri binaan.

2.2 Perbendaharaan Malaysia sebenarnya juga telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan penggunaan barang-barang buatan tempatan dengan mengeluarkan arahan berkaitan perkara tersebut melalui Arahan Perbendaharaan/Surat Pekeliling Perbendaharaan.

3. DEFINASI BARANG-BARANG BUATAN TEMPATAN

3.1 Bagi maksud arahan ini, istilah barang buatan tempatan adalah diselaraskan mengikut Akta Penjelasan Perindustrian (ICA) 1975 (Akta 156). Diantara takrif-takrif yang berkaitan adalah seperti berikut:-

3.1.1 'Pengilang' ertinya seseorang yang mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti pengilang;

3.1.2 'Aktiviti Pengilang' dengan perubahan-perubahan tasrifnya dan perbahasaan-perbahasaan seasalnya ertinya membuat, mengubah, mengadun, menghiasi, memperkemas atau dengan cara lain mengawit atau menyesuaikan apa-apa barang atau benda memandang kepada penggunaan, penjualan, pengangkutan, penyerahan atau pelupusannya dan termasuklah memasang bahagian-bahagian dan membaiki kapal tetapi tidak termasuk apa-apa aktiviti-aktiviti yang biasanya berkaitan dengan perdagangan jualruncit atau jualborong; dan

3.1.3 'Keluaran' ertinya apa-apa barang, benda, bahan atau perkhidmatan yang dikeluarkan sebagai hasil apa-apa aktiviti pengilangan dan termasuklah jeneka keluaran.

3.2 Adalah dijelaskan bahawa barang-barang yang dibuat atau dikeluarkan oleh pengilang-pengilang di dalam Zon Perdagangan Bebas ditakrifkan sebagai barangan buatan tempatan jika ianya dilabelkan sebagai 'Buatan Malaysia'.

3.3 Takrif barang-barang yang dibuat dan dikeluarkan oleh pengilang-pengilang di Zon Perdagangan Bebas adalah juga meliputi barang-barang yang dibuat atau dikeluarkan oleh pengilang-pengilang di kawasan Gudang Pengilang Berlesen.

4. PERLAKSANAAN PENGGUNAAN BARANG-BARANG BUATAN TEMPATAN

4.1 Perolehan Bekalan/Perkhidmatan

4.1.1 Bagi semua perolehan bekalan/perkhidmatan, keutamaan harga bagi barangan tempatan hendaklah diambilkira dalam penilaian tender selaras dengan ketetapan Arahan Perbendaharaan 169.2.

4.2 Perolehan Kerja

4.2.1 Melalui arahan ini agensi diwajibkan melaksanakan penggunaan barang-barang buatan tempatan didalam perolehan kerja Kerajaan. Senarai barang-barang buatan tempatan yang wajib digunakan adalah sepertimana yang ditetapkan didalam 'Senarai Bahan-bahan Binaan Tempatan' yang dikeluarkan oleh Institut Jabatan Kerja Raya Malaysia (IKRAM). Kategori barangan yang diwajibkan adalah seperti di Lampiran A yang akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

4.2.2 Agensi hendaklah menetapkan supaya spesifikasi barangan yang digunakan adalah berasaskan Standards Malaysia (MS) yang diterbitkan oleh Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian (SIRIM). Jika tidak ada MS, spesifikasi jabatan yang disediakan dalam satu Jawatankuasa Penentuan Spesifikasi atau spesifikasi antarabangsa lain yang sesuai hendaklah digunakan. Barangan yang dibekalkan hendaklah mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan.

4.2.3 Bagi barangan tempatan yang telah mempunyai MS dan masih dikeluarkan berasaskan spesifikasi jabatan/standard antarabangsa, ianya masih boleh diterima untuk tempoh tidak melebihi 1 tahun dari tarikh kuatkuasa SPP ini. Bagi barangan tempatan yang mana MS hanya diterbitkan selepas tarikh kuatkuasa SPP ini, ianya juga masih boleh diterima untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun selepas MS berkenaan diterbitkan. Tempoh ini adalah diberikan bagi membolehkan barangan berkaitan disesuaikan dan ditingkatkan kepada spesifikasi yang ditetapkan oleh MS. Selepas tempoh-tempoh tersebut barangan tempatan yang memenuhi spesifikasi MS sahaja hendaklah diterima tertakluk kepada peruntukan di para 4.2.4.

4.2.4 Pengimportan untuk kategori barangan yang sama dengan barangan tempatan hanya boleh dibenarkan jika tidak terdapat saiz/kelas tertentu keluaran tempatan atau berlaku kekurangan bekalan pada peringkat nasional dan bahan-bahan tersebut tidak boleh diganti dengan bahan tempatan yang lain. Kebenaran ini boleh diberikan mengikut kes sahaja dan terbatal dengan sendirinya apabila keadaan tersebut tidak wujud lagi. Agensi diminta merujuk kepada BPPK dengan segera untuk mendapatkan kelulusan jika perlu menggunakan barangan yang diimport.

4.2.5 Bagi memastikan peraturan ini diikuti sepenuhnya, agensi hendaklah memasukkan fasal berikut di dalam dokumen tender:-

"Petender adalah diwajibkan menggunakan barang-barang buatan tempatan yang dinyatakan di dalam Spesifikasi/Penentuan/Lampiran/Senarai Bahan-Bahan Binaan Tempatan. Sekiranya agensi mendapati petender tidak mematuhi peraturan menggunakan barang-barang buatan tempatan yang disenaraikan setelah surat setujuterima dikeluarkan, tindakan

tatatertib dan penolakan bahan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas petender .

Bagi barangan tempatan yang tidak disenaraikan, ianya juga boleh ditimbang jika barangan tersebut telah terlebih dahulu diuji dan diperakukan oleh Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) bagi barangan kejuruteraan awam atau Cawangan Elektrik, Jabatan Kerja Raya Malaysia bagi barangan elektrik dan diterima oleh Pegawai Penguasa. "

4.2.6 Bagi perolehan yang diuruskan oleh pihak perunding, agensi hendaklah mensyaratkan supaya penggunaan barangan tempatan sebagaimana yang dijelaskan di para 4.2.1 di atas hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

4.2.7 Agensi adalah diperingatkan bahawa arahan ini hendaklah dilaksanakan dan dipatuhi sepenuhnya. Mana-mana agensi yang gagal melaksanakan arahan ini tindakan sewajarnya akan diambil dan pegawai yang bertanggungjawab akan dikenakan surcaj.


5. KUATKUASA DAN PEMBATALAN

5.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuatkuasa mulai 2 Mei, 1996. Dengan berkuatkuasanya arahan ini, perenggan 7, kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1995 adalah dibatalkan.

Sekian. Terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR. ABDUL AZIZ BIN MUHAMAD)
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan,
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan Malaysia.

Bertarikh : 12 April 1996

No. Fail : S(K&B)(8.09)735/3/1-348 Jld. 9 (17)

s.k.

Akauntan Negara Malaysia;
Ketua Audit Negara Malaysia;
Semua Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri; dan
Semua Ketua Bahagian Perbendaharaan Malaysia.

Lampiran A

SENARAI KATEGORI

BAHAN-BAHAN BINAAN TEMPATAN YANG WAJIB
DIGUNAKAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN (SPP 4/96)

A0000 BAHAN-BAHAN BANGUNAN

A0100 CAT

A0101 GLOSS ENAMEL PAINTS

A0103 UNDERCOATING PAINTS

A0105 LATEX EMULSION PAINTS

A0106 ALUMINIUM WOOD PRIMER

A0107 FINISHING ALUMINIUM

A0200 SIMEN

A0300 ROOFING TILES

A0301 INTERLOCKING CONCRETE ROOFING TILES

A0400 ROOFING SHEETS, WALL CLADDINGS & CEILING SHEETS

A0401 GALVANISED STEEL ROOFING SHEETS & WALL CLADDINGS

A0402 ASBESTOS CEMENT CORRUGATED ROOFING SHEETS

A0406 GYPSUM BOARDS

A0408 FIBRE CEMENT FLAT SHEETS

A0500 WINDOW LOUVRES

A0600 DOOR LOCKS, DOOR CLOSERS AND SECURITY LOCKS

A0601 MORTICE LOCKS

A0800 TILES

A0801 WALL TILES

A0802 FLOOR TILES

A1300 GLASS FOR WINDOW AND PANEL

A1301 CLEAR FLOAT GLASS

A1400 STEEL FABRIC/WIRE MESH

A1600 PRECAST CONCRETE PILES

A1601 PRECAST REINFORCED CONCRETE PILES

A1602 PRECAST PRETENSIONED SPUN CONCRETE PILES

B0000 BAHAN-BAHAN KAYU-KAYAN

B0100 TREATED TIMBER PILES
B0200 TIMBER PRESERVATIVES

E0000 BAHAN-BAHAN BEKALAN AIR
E0100 PIPES
E0101 CAST IRON PIPES
E0103 GALVANISED STEEL PIPES
E0104 STAINLESS STEEL PIPES
E0105 STEEL PIPES
E0106 UPVC (PRESSURE) PIPES
E0108 POLYBUTYLENE PIPES
E0109 HDPE PIPES
E0200 PIPE FITTINGS
E0201 CAST IRON PIPE FITTINGS
E0202 DUCTILE IRON PIPE FITTINGS
E0204 STAINLESS STEEL PIPE FITTINGS
E0205 STEEL SPECIALS
E0206 UPVC (PRESSURE) PIPE FITTINGS
E0211 MALLEABLE IRON PIPE FITTINGS
E0300 SADDLES
E0301 CAST/M'ABLE/D'TILE IRON SADDLE FOR A/C PIPES
E0302 CAST/M'ABLE/D'TILE IRON SADDLE FOR UPVC PIPES
E0400 GIBAULT/DETACHABLE JOINTS
E0401 CAST/M'ABLE IRON GBLT/D'ABLE JOINT FOR A/C PIPES
E0402 CAST/M'ABLE IRON GBLT/D'ABLE JOINT FOR UPVC PIPES
E0403 VARIABLE ADAPTOR
E0500 VALVES
E0505 CAST IRON AIR VALVES
E0700 DRAW OFF TAPS
E0701 BIBTAPS AND PILLARTAPS

E0800 CAST IRON PILLAR HYDRANT
E0900 CAST IRON MANHOLE COVER/STEPS
E0901 CAST IRON MAHOLE COVER
E0902 MANHOLE STEPS
E1100 WATER STORAGE TANKS
E1101 PRESSED STEEL TANKS
E1102 FIBREGLASS TANS
E1103 POLYETHYLENE/HDPE TANKS
E1105 GRP/FRP TANKS
E1200 WATER TREATMENT CHEMICALS
E1201 HYDRATED LIME
E1202 ALUMINIUM SULPHATE
E1204 SODIUM SILICATE
E1400 TANK AND PIPE INTERNAL LININGS
E1500 BITUMINOUS PIPE COATING

F0000 BAHAN-BAHAN PEPASANGAN KEBERSIHAN
F0100 W.C. FLUSHING CISTERN
F0200 SQUATING AND SANITARY PAN
F0400 WASH BASIN
F0600 URINAL BOWL
H0000 BAHAN-BAHAN PENYALIRAN DAN PEMBENTUNGAN
H0100 VITRIFIED CLAY PIPES
H0101 UNGLAZED VITRIFIED CLAY PIPES
H0200 UPVC SOILS, WASTES AND VENTILATING PIPES
H0201 WASTE PIPE AND FITTINGS
H0202 INDUSTRIAL PURPOSES DRAINAGE PIPES
H0203 SOIL AND VENTILATING PIPES AND FITTINGS
H0204 UNDERGROUND PIPE AND FITTINGS
H0205 GRAVITY SEWER PIPES AND FITTINGS
H0500 CONCRETE POROUS PIPES

H1200 CORRUGATED STEEL PIPES

J0000 BAHAN-BAHAN JALAN

J0100 ROAD MARKING PAINTS

J0101 REFLECTIVE ROAD MARKING PAINTS

J0102 NON-REFLECTIVE ROAD MARKING PAINTS

J0103 THERMOPLASTIC ROAD MARKING MATERIALS

J0200 CULVERTS

J0201 R.C. PIPE CULVERT/R.C. SPUN PIPE CULVERT

J0202 R.C. BOX CULVERT

J0400 HIGHWAY GUARDRAILS

J0500 LIGHTING COLUMN

J0501 STREET LIGHTING

J0502 HIGH MAST

J0600 CUT-BACK BITUMEN

L0000 BAHAN-BAHAN ELEKTRIK

L0100 CABLE

L0101 PVC AND PVC/PVC

L0102 PVC/STEEL WIRE ARMOURED/PVC

L0107 CROSS LINK POLYETHLENE

L0108 PVC FLEXIBLE

L0300 LOW VOLTAGE SWITCH FUSE FUSES SWITCH, ISOLATOR, CHANGE OVER AND ROTORY SWITCH

L0301 SWITCH FUSE

L0500 LIGHTING ACCESSORIES

L0501 LIGHTING SWITCH FLUSH TYPE

L0502 LIGHTING TUMBLER SWITCH

L0600 SOCKET OUTLET AND PLUG TOP

L0601 SOCKET OUTLET

L0603 PLUG TOP

L0900 FAN
L0901 CEILING FAN
L0902 WALL FAN
L0903 TABLE FAN
L0904 STAND FAN
L0905 EXHAUST FAN
L0907 ROTATING AUTO FAN
L1100 FLUORESCENT LUMINARIES AND ACESSORIES
L1101 FLUORESCENT LUMINARIES
L1102 FLUORESCENT TUBE
L1103 FLUORESCENT BALLAST (POLYESTER FILLED)
L1105 FLUORESCENT LAMP STARTER
L1106 FLUORESCENT LAMP HOLDER
L1108 FLUORESCENT STARTER HOLDER
L1400 COMPOUND, STREET AND HIGH MAST LIGHTING
L1403 HIGH MAST
L1600 LOW VOLTAGE SWITCHBOARDS
L1601 LOW VOLTAGE SWITCHBOARDS
L2200 MOTOR STARTER
L2201 DIRECT ON LINE STARTER
L2800 EMERGENCY LUMINARIES
L2801 EMERGENCY LIGHTING
L2802 LUMINOUS SIGN
L2900 RESIDUAL CURRENT DEVICE
L2902 RESIDUAL CURRENT CIRCUIT BREAKER
L3100 EARTH SYSTEM
L3101 EARTHING ROD
L3300 ELECTRIC WATER HEATER AND ASSOCIATED EQUIPMENT
L3301 STORAGE WATER HEATER

L3303 INSTANTANEOUS WATER HEATER
L3900 CUTOOUT AND NEUTRAL LINK
L3901 CUTOOUT FUSE HOUSING
L3903 NEUTRAL LINK
L3904 JUNCTION BOX
L4500 FUSES, FUSE BASE AND FUSE CARRIER
L4501 HRC FUSE
L4502 FUSE BASE AND CARRIER FOR HRC FUSE

Nama-nama Pembekal/Pengilang Bagi Kategori Barangan di atas ada terdapat di dalam "SENARAI BAHAN-BAHAN BINAAN TEMPATAN" yang diterbitkan oleh Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM).